

23/06/1999

Pakej percutian dijangka dapat sambutan menggalakkan

Wan Jailani Razak

SATU lagi ikatan perjanjian dimeterai antara MAS Golden Holidays, anak syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan 20 pengusaha hotel serta pusat peranginan di Langkawi, Ahad lalu sebagai susulan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani di Kuala Lumpur, 11 Jun lalu.

Ia sekali gus menggambarkan kesungguhan agensi kerajaan dan agensi yang terbabit dalam industri pelancongan di sini menggiatkan kembali pertumbuhan sektor yang menjadi nadi pembangunan di Langkawi, yang sebelum ini lesu akibat kegawatan ekonomi.

Kali ini, pakej percutian Langkawi Super Saver yang disifatkan tawaran terbaik dan paling menjimatkan untuk pelancong pada abad ini dilancarkan secara rasmi. Ia sebagai tanda kempen itu perlu dipromosi secara besar-besaran bermula 1 Julai ini bagi mendapat pulangan diharapkan.

Menurut Naib Presiden Jualan Penumpang MAS, Datuk Rashid Khan, ketika melancarkan pakej itu, kempen terbabit dijangka mendapat sambutan menggalakkan berdasarkan petunjuk ekonomi negara yang semakin pulih ketika ini, di samping pakej itu sendiri yang disifatkan istimewa.

"Matlamat utama kempen ini ialah untuk mengendalikan usaha pemasaran secara bersama dan sebagai satu inisiatif promosi bagi menjadikan Langkawi, satu pilihan menarik untuk bercuti.

"Usaha sama seperti ini amat bermakna kerana ia membuktikan satu bentuk kerjasama antara pihak berkuasa negeri dengan agensi berkaitan ke arah memajukan bidang pelancongan dengan lebih teratur," katanya.

Mengikut MoU yang dimeterai, pakej percutian tiga hari dua malam ke Langkawi untuk minimum dua orang dari Kuala Lumpur itu ditawarkan selama setahun mulai 1 Julai 1999, bagi menggalakkan pelancong tempatan dan luar negara melawat pulau legenda berkenaan.

Ia menawarkan harga menarik sehingga serendah RM165 dari Pulau Pinang, Kuala Lumpur (RM250), Johor Bahru (RM330), Kuantan (RM351), Terengganu/Kota Bharu (RM387), Kuching (RM497), Kota Kinabalu/Labuan (RM672), Singapura (S\$275) dan Brunei Darussalam (BN\$535).

MoU itu juga boleh dijadikan pemangkin untuk kedua-dua pihak memanfaatkan segala sumber dengan lebih berkesan dan menerusi tindakan bersama serta strategi pemasaran lebih khusus, ia mampu menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke Langkawi.

Berdasarkan program diatur, hampir 150 wakil agensi pelancongan dan wartawan dari 27 negara termasuk Malaysia dijangka menyertai Pasar Pelancongan Antarabangsa Langkawi yang julung kali diadakan di sini, Ahad ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan acara itu serta melancarkan risalah dan logo Langkawi di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri pada hari berkenaan.

Pastinya, menerusi pasar pelancongan itu, kita dapat meneroka pasaran baru luar negara dengan imej Langkawi sebagai destinasi yang menarik pada harga berpatutan.

Ini kerana ia diyakini akan memberi faedah kepada semua pihak yang terbabit dalam sektor pelancongan di pulau ini.

Jemputan untuk berada di sini selama lima hari mulai Jumaat ini dan pelbagai program sudah diatur untuk mereka mendapat pendedahan mengenai keistimewaan Langkawi sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Pasar pelancongan itu dijalankan mengikut konsep jual beli dengan jemputan berfungsi sebagai pembeli manakala mereka dalam sektor

pelancongan di sini akan mendirikan gerai untuk menjual produk masing-masing.

Setakat ini, 52 agensi pelancongan, restoran, hotel dan pasar raya mengesahkan untuk menyertai pasar itu. Pertemuan penjual dan pembeli ini diharap dapat menjalinkan perhubungan dan membentuk pasaran baru.

(END)